

Kerjasama ASEAN, GCC dan China janjikan kekuatan ekonomi 3 rantau

- Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 bukan sahaja penting dari sudut perancangan masa depan, malah jadi pentas bersejarah satukan tiga blok ekonomi utama dunia iaitu ASEAN, GCC dan China dalam satu kerangka kolaboratif baharu
- Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 bukan sahaja akan menjadi medan penetapan dasar dan hala tuju Komuniti ASEAN, tetapi satu peluang besar bagi mengukuhkan hubungan strategik antara ASEAN, GCC dan China



Oleh Dr Nor Azura A Rahman
bhrencana@bh.com.my

Ramai hanya menyedari penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 berlangsung pada 26-27 Mei di Kuala Lumpur adalah platform utama bagi pemimpin negara ASEAN menilai kemajuan Komuniti ASEAN merentasi tiga tunjang utama iaitu politik dan keselamatan, ekonomi serta sosiobudaya.

Sidang ini amat signifikan kerana dijangka akan memperaku dokumen penting bakal menggariskan hala tuju masa depan ASEAN. Antara dokumen utama ialah Deklarasi Kuala Lumpur sempena ulang tahun ke-10 penubuhan Komuniti ASEAN, yang menilai pencapaian sedia ada dan menetapkan hala tuju strategik untuk dekad akan datang.

Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ASEAN 2045: Masa Depan Bersama ditandatangani pemimpin ASEAN bakal menjadi kerangka jangka panjang untuk membina Komuniti ASEAN lebih berdaya tahan, inovatif dan berprestasi rakyat menjelang 2045.

Meskipun tumpuan umum sering terarah kepada deklarasi besar ini, namun dua lagi sidang kemuncak berlangsung secara serentak tidak kurang pentingnya, iaitu Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Ke-2 dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China.

Kedua-dua sidang ini membuka lembaran baharu dalam perluasan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pembangunan strategik serantau.

Oleh itu, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 bukan sahaja penting dari sudut perancangan masa depan, malah menjadi pentas bersejarah menyatukan tiga blok ekonomi utama dunia iaitu ASEAN, GCC dan China dalam satu kerangka kolaboratif baharu.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 memainkan peranan utama dalam penganjuran ketiga-tiga sidang ini. Bukan sekadar menjadi tuan rumah, Malaysia turut bertindak sebagai pemacu dasar dan penyelaras agenda strategik bakal dilakar bersama rakan serantau.

Penganjuran ini selaras dengan keutamaan Malaysia menekankan integrasi ekonomi, pembangunan mampan dan keterangkuman digital.



Meneruskan komitmen ASEAN

Dalam konteks Sidang Kemuncak ASEAN-GCC Kedua, Malaysia meneruskan komitmen dimerai pada sidang pertama di Riyadh pada 2023, menyaksikan persetujuan mengadakan sidang ini setiap dua tahun.

Kali ini, ia memberi penekanan kepada pelaksanaan Rangka Kerjasama ASEAN-GCC 2024-2028, meliputi bidang perdagangan bebas, pendidikan, budaya, pembangunan ekonomi dan digitalisasi.

Sidang ini berfungsi sebagai platform strategik menghimpunkan pemimpin ASEAN dan GCC bagi membincangkan isu serantau dan antarabangsa berkepentingan bersama.

GCC kini rakan dagang ketujuh terbesar ASEAN dengan jumlah dagangan mencecah AS\$130.7 bilion. Dalam aspek pelaburan pula, GCC menyumbang sebanyak AS\$390.2 juta ke ASEAN, menandakan peningkatan keyakinan pelabur dan potensi kerjasama ekonomi yang belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Selain itu, sidang ini juga menandakan kesinambungan hubungan erat terbina sejak 1990. Tumpuan utamanya adalah pelaksanaan Rangka Kerjasama ASEAN-GCC 2024-2028, sebuah pelan tindakan merangkumi bidang penting seperti perdagangan bebas, ekonomi digital, pendidikan, budaya dan maklumat.

Inisiatif Keutamaan Hasil Ekonomi (PEDs) turut digerakkan bagi memastikan pelaksanaan berimpak tinggi selari dengan wawasan bersama.

Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China

Lebih signifikan, Malaysia memperkenalkan satu lagi platform kerjasama menerusi Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China pertama, satu inisiatif trilateral. Matlamatnya jelas iaitu menyatukan kekuatan ekonomi tiga wilayah bagi memperkukuh perdagangan, pelaburan, pembangunan teknologi hijau dan keterhubu-

ngan digital secara kolektif. Sebagai inisiatif baharu dipelopori Malaysia dalam kapasitinya sebagai Pengerusi ASEAN, Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China ini mengambil kira hakikat bahawa

ASEAN kini kuasa ekonomi kelima terbesar dunia dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah AS\$3.8 trilion pada 2023, manakala China kekal sebagai rakan dagang utama ASEAN dengan jumlah dagangan mencecah AS\$696.7 bilion.

Dengan gabungan kekuatan ini, Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China dijangka menjadi pemangkin utama kepada perkongsian ekonomi tiga hala mampan dan menyeluruh.

Fokus utamanya adalah pengukuhan integrasi ekonomi melalui sektor strategik seperti perdagangan, pelaburan, pembangunan infrastruktur, rantaian bekalan serta keterhubungan digital.

Dari perspektif ekonomi serantau, kolaborasi tiga hala ini membuka potensi sangat besar. Gabungan KDNK ASEAN, GCC dan China mencecah AS\$24.87 trilion setahun, manakala populasi gabungan ketiga-tiga rantau ini menjangkau 2.15 bilion orang. Ini menjadikan blok ini antara paling berpengaruh dari segi kapasiti pasaran dan potensi pelaburan langsung asing (FDI).

Skala ekonomi luas ini bukan sahaja mampu meningkatkan perdagangan rentas sempadan, malah mempercepat inovasi, mengukuhkan rantaian bekalan serantau dan menyokong pembangunan infrastruktur mampan.

Usaha kolaboratif ini juga akan memacu pertumbuhan ekonomi inklusif, memperluas akses kepada teknologi hijau dan memperkukuh kerjasama dalam pembangunan bandar pintar.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 bukan sahaja akan menjadi medan penetapan dasar dan hala tuju Komuniti ASEAN, tetapi satu peluang besar bagi mengukuhkan hubungan strategik antara ASEAN, GCC dan China.

Malaysia, selaku tuan rumah dan Pengerusi ASEAN, memainkan peranan penting membentuk landskap kerjasama serantau lebih dinamik, mampan dan berpaksikan masa depan bersama.

